

27 MAY 1999

Samy-Estet

MIC AKAN BAWA ISU GAJI BULANAN PEKERJA ESTET KE KABINET

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Dengan ketiadaan keputusan muktamad selepas bertahun-tahun perbincangan dan pertengkaran antara kesatuan-kesatuan sekerja ladang mengenai isu gaji bulanan bagi pekerja estet, Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC hari ini memutuskan untuk campurtangan dan berjanji akan "menyelesaikannya".

"Saya tidak akan berhenti di mana-mana dan saya akan teruskan sehingga kita berjaya," kata Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu dalam persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat CWC selama tiga jam di ibu pejabat parti di sini, hari ini.

Beliau berkata, parti itu sedang menyediakan kertas kerja mengenai perkara itu yang akan dikemukakan kepada Kabinet untuk kelulusan.

"Sudah tiba masanya untuk pekerja-pekerja estet yang telah membantu membina negara ini mendapat apa yang mereka mahukan selama ini -- gaji bulanan dan kemudahan perumahan lebih baik," katanya.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata, Persatuan Pengeluar Pertanian Malaya (MAPA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) "boleh membincangkan isu itu untuk 20 tahun lagi".

"Tetapi mesti ada had masa. MIC mahu ia diputuskan dengan segera," katanya.

Ditanya sama ada MAPA dan NUPW telah menjemput wakil-wakil MIC untuk membincangkan perkara itu, Samy Vellu berkata: "Kita tidak ada kena mengena dengan perbincangan mereka. Tetapi kita rasa adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mengkajinya."

Mengenai kertas kerja itu, Samy Vellu berkata ia akan siap dalam masa sebulan.

"Dalam kertas kerja itu, saya akan berhujah mengenai mengapa gaji bulanan perlu diberikan kepada pekerja-pekerja estet," kata beliau.

Beliau berkata, kertas kerja itu tidak akan menyatakan apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar sebagai gaji bulanan tetapi sebaliknya akan mengutarakan kes-kes skim gaji bulanan telah dilaksanakan.

Samy Vellu berkata Koperasi Permodalan Tanah Kebangsaan (NLFCS) merupakan syarikat pertama untuk memperkenalkan gaji bulanan di 15 estetnya bermula Januari lepas.

Presiden MIC itu berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini telah mencadangkan kepada beliau supaya tunggu dan lihat dahulu perjalanan skim gaji bulanan di NLFCS sebelum membuat keputusan.

Samy Vellu berkata, selepas tiga bulan pertama pelaksanaannya, beliau mendapati skim NLFCS berjalan lancar.

Beliau berkata, MIC juga akan mengutus surat kepada pemilik-pemilik estet untuk meyakinkan mereka mengapa mereka perlu memberi gaji bulanan kepada pekerja mereka.

"Kita juga merayu kepada mereka supaya terus menyediakan kemudahan perumahan bagi pekerja-pekerja mereka dan juga menyediakan kemudahan pinjaman untuk membeli rumah," katanya.

Samy Vellu juga mengkritik pemilik-pemilik estet kerana melengah-lengahkan usaha menyelesaikan isu itu.

Beliau berkata, mesti ada "sedikit sikap keadilan dalam minda pemilik-pemilik estet."

-- BERNAMA

ES PR

